SIARAN MEDIA

RM500,000 UNTUK RAKYAT KUNDASANG: NRES DAN JMG TRANSFORMASI KAMPUNG DUMPIRING BAWAH, KUNDASANG MELALUI KAMPUNG ANGKAT MADANI

KUNDASANG, 6 Jun 2026 – Komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkasa pembangunan luar bandar dan meningkatkan kesejahteraan rakyat Sabah terus diperkukuh menerusi pelaksanaan Projek Kampung Angkat MADANI Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) Tahun 2026 di Kampung Dumpiring Bawah, Kundasang, Ranau.

Projek yang diterajui oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui JMG ini merupakan manifestasi komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan manfaat pembangunan dapat dirasai secara langsung oleh masyarakat luar bandar, khususnya komuniti di kawasan pedalaman Sabah.

Majlis perasmian projek telah disempurnakan secara bersama oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup dan Timbalan Ketua Menteri I Sabah merangkap Menteri Kerja Raya dan Utiliti Sabah, YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam. Kehadiran kedua-dua pemimpin tersebut mencerminkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam menjayakan agenda pembangunan rakyat berteraskan aspirasi Malaysia MADANI.

Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan projek, NRES melalui JMG telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi membiayai pembangunan Kampung Angkat MADANI ini. Dalam majlis yang sama, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup turut menyerahkan replika cek bernilai RM500,000.00 kepada YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam bagi tujuan pelaksanaan projek tersebut.

Projek ini melibatkan pembinaan semula dewan orang ramai Kampung Dumpiring Bawah yang baharu dan lebih selesa berserta kemudahan infrastruktur berkaitan. Dewan ini bakal menjadi pusat aktiviti komuniti, program kemasyarakatan, pendidikan serta pembangunan sosial yang memberi manfaat kepada penduduk kampung dan kawasan sekitarnya. Selain pembangunan infrastruktur, pelbagai program pembangunan komuniti turut dirancang bagi memperkukuh hubungan sosial, meningkatkan penglibatan masyarakat serta membina komuniti yang lebih inklusif, progresif dan berdaya tahan.

Selaras dengan peranan JMG sebagai agensi teknikal negara dalam bidang geosains, pelaksanaan projek ini turut melengkapi pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh JMG di Kundasang dan Ranau dalam meningkatkan keselamatan komuniti. Bagi membantu melindungi rakyat Sabah, JMG secara berterusan melaksanakan pemetaan bahaya geologi, kajian teknikal, pemantauan cerun, pemasangan sistem amaran awal serta penilaian risiko geobencana. Inisiatif ini membolehkan kerajaan merancang pembangunan secara lebih selamat dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan komuniti terhadap risiko bencana.

JMG merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Pejabat Daerah Ranau, pemimpin masyarakat dan seluruh penduduk Kampung Dumpiring Bawah atas kerjasama erat dalam menjayakan inisiatif ini.

Program Kampung Angkat MADANI JMG 2026 diyakini mampu memperkukuh kesejahteraan komuniti luar bandar, selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan yang memberi manfaat terus kepada rakyat. Program ini turut mendapat sambutan positif daripada lebih 250 penduduk Kampung Dumpiring Bawah dan kawasan sekitar.

KETUA PENGARAH

JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA

06 Jun 2026